

POTENSI BANDAR TAIPING SEBAGAI TARIKAN PELANCONGAN WARISAN DI PERAK

POTENTIAL OF TAIPING CITY AS A HERITAGE TOURISM ATTRACTION IN PERAK

Jabil Mapjabil^{1*}, Noorziah Mohd Salleh², Yogeswary a/p Paramaswaran³, Datu Razali
Datu Eranza⁴, Mazdi Marzuki⁵ & Rosmiza M.Z.⁶

¹ Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
Email: jabil@ums.edu.my

² Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Kampus Sabah
Email: noorziah@sabah.uitm.edu.my

³ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
Email: yogeswary@gmail.com

⁴ Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah
Email: drde@ums.edu.my

⁵ Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: mazdi@fsk.upsi.edu.my

⁶ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: miza@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 28.05.2021

Revised date: 16.06.2021

Accepted date: 27.06.2021

Published date: 30.06.2021

To cite this document:

Mapjabil, J., Salleh, N. M., Paramaswaran, Y., Eranza, D. R. D., Marzuki, M., & Rosmiza, M. Z. (2021). Potensi Bandar Taiping Sebagai Tarikan Pelancongan Warisan Di Perak. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (23), 93-103.

Abstrak:

Kewujudan pelbagai monumen dan bangunan yang dibina sejak awal tahun 1900an perlu dipelihara dan dipulihara sebagai tarikan pelancongan warisan. Taiping adalah antara bandar yang berpotensi untuk dipromosikan sebagai destinasi pelancongan warisan yang popular di negari Perak. Untuk itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis dan kategori pelbagai bangunan dan monumen yang berpotensi untuk dijadikan sebagai tarikan pelancongan warisan di bandar ini; meneliti persepsi penduduk tempatan terhadap potensi Taiping serta mencadangkan strategi dan langkah untuk memelihara dan memulihara warisan di bandar berkenaan. Kajian ini menggunakan kaedah campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif. Hasil kajian menunjukkan terdapat pelbagai monumen dan bangunan lama yang berpotensi dijadikan sebagai tarikan pelancongan warisan, antaranya Rock Garden, Pagoda Cina, Stesen F.M.S, Hotel Peking, stesen kereta api, Rest House 1894, menara jam, Muzium Perak dan First Galeria. Antara perkara yang perlu diberikan perhatian agar

DOI: 10.35631/JTHERM.623010.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



hasrat menjadikan bandar Taiping sebagai tarikan pelancongan warisan adalah tahap kebersihan dan keceriaan persekitarannya, penyediaan kemudahan asas, pengkalan dan pemuliharaan struktur binaan tapak warisan, aspek promosi serta tahap keselamatan di kawasan berkenaan. Pelbagai strategi dan langkah yang dicadangkan untuk menjadikan Taiping sebagai destinasi tumpuan pelancongan warisan yang popular di Perak khususnya dan Malaysia amnya.

Kata Kunci:

Potensi, Pelancongan Warisan, Strategi, Taiping

Abstract:

The existence of various monuments and buildings built since the early 1900s needs to be preserved as heritage tourist attractions. Taiping is one of the cities that has the potential to be promoted as a popular heritage tourism destination in Perak. To that end, the purpose of this study was to identify the types and categories of various buildings and monuments that have the potential to be used as heritage tourism attractions in the city; by examining the perceptions of local people on the potential of Taiping and to suggest strategies and measures preserve and conserve the heritage of the city. This study uses a mixture of quantitative and qualitative methods. The results show that there are various monuments and old buildings being the potential to be heritage tourist attractions, including Rock Garden, Chinese Pagoda, F.M.S Station, Peking Hotel, railway station, Rest House 1894, clock tower, Silver Museum, and First Galeria. Among the things that need to be given attention in order to make Taiping a heritage tourist attraction are the level of cleanliness and cheerfulness of the environment, provision of basic facilities, maintenance and conservation of heritage site structure, promotional aspect, and security level in the area. Various strategies and measures are proposed to make Taiping a popular heritage tourism destination in Perak in particular and Malaysia in general.

Keywords:

Potential, Heritage Tourism, Strategy, Taiping

Pengenalan

Industri pelancongan mula berkembang di Malaysia sejak akhir tahun 1960. Pada peringkat awal, industri ini tidak dianggap sebagai aktiviti ekonomi utama sehingga tahun 1970. Pada masa itu, sumbangan komoditi utama adalah terdiri daripada getah dan bijih timah. Namun pada tahun 1970, kerajaan Malaysia telah mula membangunkan industri pelancongan untuk memenuhi beberapa objektif seperti peningkatan pendapatan dalam pertukaran mata wang asing, menambahkan peluang pekerjaan dan peringkat pendapatan, menggalakkan pembangunan kawasan, mempelbagaikan ekonomi dan meningkatkan hasil kerajaan (Ahmad Tharmizie, 2010). Industri pelancongan adalah antara agenda pembangunan yang diberi penekanan oleh kebanyakan negara di dunia, termasuk Malaysia kerana sumbangan signifikan terhadap ekonomi negara dan komuniti tempatan, di samping mempelopori satu gaya hidup baharu yang memberi masa senggang kepada orang ramai supaya berehat seketika daripada rutin harian yang adakalanya membosankan dan membawa tekanan. Terdapat pelbagai jenis tarikan pelancongan, antaranya ialah ekopelancongan, agropelancongan, program inap desa,

perencanaan warisan dan kebudayaan, perencanaan sukan dan rekreasi serta perencanaan pendidikan dan kesihatan (Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006 - 2010).

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan tinggalan warisan sejarah yang terdiri daripada monumen, bangunan, artifak termasuklah warisan budaya masyarakat. Warisan sejarah pula boleh dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu warisan bentuk nyata dan tidak nyata. Warisan sejarah bentuk nyata adalah seperti bangunan, monumen dan tapak bersejarah. Tapak warisan bersejarah boleh diinterpretasikan sebagai suatu lokasi yang mempunyai sejarah yang berkaitan dengan ketamadunan bangsa dan perkembangan negara. Menurut Richards (2020), tarikan dan produk perancangan warisan yang menjadi tumpuan penduduk di Eropah adalah lawatan ke monumen, muzium, festival dan lain-lain tapak dan acara warisan. Contohnya melibatkan 59% penduduk di Belanda dan 56% penduduk di Sweden. Hasanah et al. (2020) menegaskan bahawa pemeliharaan warisan di sesebuah kawasan adalah penting untuk menjaga persekitaran fizikalnya, Sehubungan dengan itu, komuniti tempatan adalah pemegang taruh utama yang mendapat manfaat daripada pembangunan perancangan warisan.


Dalam konteks Malaysia, contoh tapak warisan dalam bandar adalah Bandaraya Bersejarah Melaka. Manakala tapak bersejarah awal pula seperti Kota Cornwallis di Pulau Pinang, Kota Ngah Ibrahim di Taiping dan tapak warisan Candi Batu Pahat di Merbuk, Kedah. Warisan yang tidak nyata didefinisikan sebagai interpretasi budaya hidup masyarakat yang pelbagai seperti adat istiadat sesuatu upacara, kesenian seperti lagu rakyat, muzik, tarian, permainan tradisi dan pakaian tradisional. Menurut Akta Harta Purba 1976, warisan merujuk kepada sesuatu bentuk objek buatan manusia dan alam semula jadi yang menjadi warisan negara. Misalnya, bentuk objek buatan seperti masjid, bangunan lama, monumen, makam, bandar dan sebagainya. Manakala warisan semula jadi pula merujuk kepada apa juga bentuk yang berkaitan dengan flora, fauna, laut, pulau, gunung dan sebagainya (Naoko & Mohd, 2019). Warisan ini tergolong sebagai warisan tampak atau tidak tampak. Ringkasnya, warisan dapat dikelaskan sebagai peninggalan lama yang mempunyai keunikannya yang tersendiri.

Sehubungan dengan itu, artikel ini meneliti tentang potensi bandar Taiping sebagai tarikan perancangan warisan di Perak. Objektif kajian dalam membincangkan potensi ini ialah dengan (i) mengenal pasti bangunan atau monumen yang diklasifikasikan sebagai tarikan bandar warisan di Taiping; (ii) meneliti persepsi penduduk tempatan dan pelancong mengenai potensi bandar Taiping sebagai tarikan perancangan warisan dan (iii) langkah strategi pemeliharaan warisan sejarah yang dilaksanakan untuk merealisasikan potensi ini.

Kawasan Kajian

Bandar Taiping merupakan sebuah bandar moden yang paling tertua di negara Malaysia. Pembentukan awalnya adalah bersamaan dengan bermulanya era pembangunan di negeri Perak. Perkataan Taiping berasal daripada bahasa Cina yang merujuk kepada “kedamaian yang berpanjangan” iaitu selaras dengan hasil daripada ketetapan Perjanjian Pangkor. Taiping merupakan bandar kedua terbesar selepas Ipoh di negeri Perak. Bandar ini terletak kira-kira 85 km ke utara bandar Ipoh dan sejauh 95 km dari selatan Pulau Pinang (Rajah 1.1). Bandar Taiping merupakan ibu kota bagi daerah Larut Matang dan Selama. Sebelum tahun 1937, Taiping merupakan ibu negeri Perak. Nama lama Taiping ialah Klian Pauh. ‘Klian’ bermaksud lombong. Manakala ‘Pauh’ merujuk kepada sejenis buah mangga bersaiz kecil. Mengikut

sejarah, Taiping dahulunya dikenali sebagai Klian Pauh kerana bandar ini menjadi tumpuan penduduk setelah penemuan bijih timah oleh Long Jaafar di kawasan berkenaan.



Rajah 1.1: Lokasi Bandar Taiping

Sumber: Google Earth (2015)

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah penerokaan (eksploratori). Penyelidikan berasaskan penerokaan merujuk terhadap usaha meneliti sesuatu bidang, masalah atau fenomena yang baharu (Rohana, 2003). Manakala kaedah yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dan turut disokong dengan data kualitatif. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik, set panduan temu bual dan pemerhatian. Kajian ini melibatkan penduduk tempatan dan pelancong di bandar Taiping iaitu seramai 60 responden.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Profil Demografik Responden

Terdapat tiga kategori responden, iaitu penduduk tempatan (50%), pelancong domestik (45%) dan pelancong asing (5%). Untuk kajian ini, seramai 30 orang responden lelaki dan 30 orang responden perempuan terlibat. Daripada jumlah itu, seramai 36 orang (60%) responden bujang dan selebihnya telah berkahwin iaitu seramai 24 orang (40%) (Jadual 1). Majoriti responden adalah berbangsa Melayu dan India iaitu masing-masing seramai 23 orang responden (38.3%), diikuti oleh bangsa Cina - 12 orang responden (20%) dan lain-lain bangsa seramai dua orang (3.3%).

Seterusnya, majoriti responden memiliki tahap pendidikan yang tinggi iaitu 36 responden (60%) dan 24 orang (40%) pula mempunyai latar belakang pendidikan sehingga peringkat menengah. Daripada aspek latar belakang pekerjaan, responden yang paling ramai ditemu bual ialah pelajar iaitu 26 orang (43.3%), diikuti oleh responden dari kalangan yang bekerja di sektor awam iaitu seramai 16 orang (26.7%). Manakala responden yang bekerja di sektor swasta

adalah sebanyak tujuh orang yang mewakili 11.7% dan lima orang responden yang bekerja sendiri (8.3 %). Seterusnya pesara dan suri rumah yang masing-masing hanya seorang responden (1.7%).

Jadual 1: Profil Demografik Responden

Profil	Kriteria	Bilangan	Peratus
Kategori Responden	Penduduk tempatan	30	50
	Pelancong domestik	27	45
	Pelancong asing	3	5
Jantina	Lelaki	30	50
	Perempuan	30	50
Status Perkahwinan	Bujang	36	60
	Berkahwin	24	40
Bangsa	Melayu	23	38.3
	India	23	38.3
	Cina	12	20
	Lain-lain	2	3.3
Pendidikan	Pendidikan tinggi	36	60
	Pendidikan menengah	24	40
Pekerjaan	Sektor awam	16	26.7
	Sektor swasta	7	11.7
	Bekerja sendiri	5	8.3
	Pelajar	26	43.3
	Berniaga	4	6.7
	Pesara	1	1.7
	Suri rumah	1	1.7
	Lain-lain	0	0

Jenis dan Kategori Pelbagai Bangunan atau Monumen yang Berpotensi dijadikan sebagai Tarikan Pelancongan Warisan di Bandar Taiping

Bandar Taiping adalah salah satu petempatan di negeri Perak yang memiliki warisan sejarah yang masih dapat dikunjungi sehingga ke hari ini. Warisan sejarah ini dapat diperhatikan melalui pelbagai reka bentuk bangunan, monumen dan tapak. Justeru, selain Bandaraya Bersejarah Melaka dan George Town, Pulau Pinang, bandar Taiping merupakan destinasi yang berpotensi untuk diketengahkan sebagai tarikan pelancongan warisan negara. Jadual 2 menunjukkan ringkasan profil beberapa bangunan dan monumen di Taiping yang memiliki keunikannya sendiri sebagai tarikan pelancongan warisan.

Jadual 2: Bangunan dan Monumen yang Berpotensi sebagai Tarikan Pelancongan Warisan di Taiping, Perak

Bangunan	Penerangan
Rock Garden	Rock Garden Taiping merupakan taman arca batu-bata replika haiwan purba. Taman arca ini dibina sekitar tahun 1970-an dalam bentuk sebuah pulau batu bertujuan sebagai riadah untuk mainan kanak-kanak. Arca “Rock Garden” ini diilhamkan daripada cerita “Ultraman” yang sangat popular dalam kalangan kanak-kanak pada masa itu.
Pagoda Cina	Pagoda Cina dipercayai dibina pada tahun 1970-an. Ia merupakan seni bina asal dari negara China. Menurut amalan orang Cina, tujuan pembinaannya adalah sebagai laluan pejalan kaki kepada orang yang baru berkahwin.
Jeti Jubli Perak	Sebuah jeti dengan seni bina kolonial yang dikenali sebagai “Jeti Jubli Perak” dibina daripada dana masyarakat dan kerajaan. Jeti ini adalah binaan pertama di Semenanjung Malaysia yang bertujuan untuk memperingati pemerintahan King George V di England. Di tembok kiri, terdapat tulisan “1910” dan tulisan “1935” di tembok kanan jeti.
Stesen F.M.S	Stesen F.M.S. yang berhadapan Taman Tasik Taiping ini diwujudkan pada tahun 2013. Stesen ini yang menjual makanan terkenal dari Taiping, mengambil konsep gerabak kereta api dan perhentian bersempena perkhidmatan kereta api yang pertama di Tanah Melayu. Suatu ketika dahulu, sebahagian tapak F.M.S ini adalah “Rumah Rehat Di Raja”.
Hotel Peking	Bangunan dua tingkat dengan reka bentuk “Anglo Indian” ini dibina pada tahun 1929. Pada zaman pemerintahan Jepun dalam tahun 1941-1945, bangunan ini digunakan sebagai Ibu Pejabat Polis Tentera Jepun (<i>Kampeitei</i>). Selepas perang, bangunan ini digunakan semula sebagai bangunan Persatuan Penjual Getah Taiping sehingga tahun 1965 dan seterusnya dijadikan sebagai Hotel Peking sehingga hari ini.
Stesen Keretapi	Tapak asal stesen kereta api adalah di Sekolah Rendah King Edward VII (I). Ia digunakan untuk laluan keretapi mulai 1 Jun 1885. Pada tahun 1910, stesen keretapi dipindahkan ke tapak stesen yang baharu serta landasannya ditambah untuk menghubungkan laluan ke utara. Ia dibina oleh Jabatan Keretapi Negeri Melayu Bersekutu - FMSR.
Tokong Cina	Bangunan asal daripada kayu ini dibina pada tahun 1890-an. Bangunan yang ada sekarang ini pula dibina pada tahun 1905. Sejarah tokong ini bermula dengan seorang hartawan bernama Cheng Yen Xin yang berbesar hati menderma sejumlah wang sebagai tanda kasih dan sayang kepada anak perempuannya bernama Lin Ai Zhen yang berhasrat untuk menjadi seorang sami.
Rest House	Rumah yang berkonsepkan binaan kayu satu tingkat ini mula dibina dengan kos \$1000 oleh pihak British. Pada tahun 1894, bangunan ini dinaik taraf kepada bangunan batu dua tingkat dan tercatat perkataan “Rest House 1894” di bahagian tengah pedimen bangunan ini. Bangunan ini dikenali sebagai Rumah Rehat Pertama di Negeri-Negeri Melayu.
Perpustakaan Peringatan Taiping	Perpustakaan Peringatan Taiping dibina pada tahun 1882. Perpustakaan ini dikenali sebagai Perpustakaan Merdeka yang diselia oleh Majlis Bandaran Taiping sebelum diserahkan kepada Perbadanan Perpustakaan Negeri Perak

	pada tahun 1986. Tapak perpustakaan ini suatu ketika dahulu menempatkan bilik bacaan pegawai British sejak tahun 1882.
Menara Jam	Pembinaan bangunan ini pada asalnya sebagai “Balai Polis Bandar” atau dikenali sebagai “Balai Polis No. 2”. Pada tahun 1891, bangunan ini dinaik taraf mejadi bangunan batu dua tingkat dan dikenali sebagai bangunan PWD 335. Bangunan ini turut dikenali sebagai “Kota” atau “The Fort”. Kini, bangunan ini digunakan sebagai Pusat Pelawat dan Informasi Taiping (TVIC) mulai tahun 2001.
Muzium Perak	Muzium Perak merupakan institusi muzium tertua di negara ini. Kurator pertama Muzium Perak ialah Leonard Wray Jr serta diasaskan oleh Sir Hugh Low pada tahun 1883. Muzium ini menempatkan pelbagai koleksi spesimen zoologi, herbarium dan alat budaya masyarakat Melayu. Selain itu, terdapat peralatan peninggalan British seperti sauh kapal, tugu peringatan, kapal terbang dan lanca. Ia adalah muzium pertama di Malaysia dan siap sepenuhnya pada tahun 1903.
First Galeria	Bangunan yang bercirikan seni binaan Anglo-Indian ini siap dibina pada tahun 1891. Arkitek bangunan ini ialah G. A. Lefroy, seorang Ketua Juru Ukur yang berasal dari Australia. Bangunan ini pada asalnya dibina untuk Pejabat Ukur dan Pemetaan Negeri Perak dan merupakan Pejabat Ukur dan Pemetaan yang pertama di Perak. Dari tahun 1931-1985, bangunan ini diduduki oleh Lembaga Kebersihan, Taiping.

Sumber: Unit Warisan, Majlis Perbandaran Taiping (2019).

Secara ringkasnya, bangunan serta monumen bersejarah di bandar Taiping adalah berpotensi sebagai salah satu produk tarikan pelancongan warisan negara. Penggunaan semula bahan sejarah dan menghidupkan kembali sejarah untuk kegiatan pelancongan dapat melindungi sumber penting dan membantu mengekalkan keunikan masyarakat sesebuah kawasan (Neumayer, 2004). Justeru, peranan pihak pemegang taruh yang terlibat dalam memelihara dan memulihara bangunan dan monumen bersejarah ini adalah wajar dihargai kerana melalui komitmen mereka, tarikan warisan bersejarah ini terus boleh ditatap oleh generasi masa hadapan sekali gus menjadi ikon destinasi pelancongan warisan negara. Warisan ialah suatu bentuk peninggalan yang mempunyai identiti yang tersendiri mengikut budaya negara yang tertentu. Setiap negara mempunyai daya usaha dalam memelihara dan memulihara warisan yang terdapat di negara tersebut. Dalam konteks Malaysia, kesedaran dalam memelihara dan memulihara warisan adalah tidak selama usia warisannya, gerakan untuk usaha tersebut adalah bermula sejak tahun 1957, iaitu lebih 60 tahun yang lalu (Naoko & Mohd, 2019). Pembuktian ini menunjukkan bahawa setiap kawasan pelancongan di negara ini harus melaksanakan inisiatif dalam memelihara dan memulihara warisan agar kekal dapat dinikmati oleh generasi masa hadapan.

Aspek yang Perlu diberi Perhatian untuk Menjadikan Bandar Taiping Berpotensi sebagai Tarikan Pelancongan Warisan

Jadual 3 menunjukkan aspek yang perlu diberi perhatian untuk menjadikan bandar Taiping berpotensi sebagai tarikan pelancongan warisan. Berdasarkan jumlah peratusan bagi skala ‘penting dan ‘sangat penting’, terdapat tiga aspek utama yang perlu diberikan keutamaan, iaitu (i) kemudahan asas yang disediakan kepada pelancong – 93.3%; (ii) pengekalan dan pemuliharaan struktur binaan tapak warisan berkenaan – 90.0% dan (iii) promosi tentang

destinasi pelancongan warisan berkenaan – 90.0%. Kemudahan asas yang disediakan akan membuatkan pengunjung berasa selasa. Tarikan warisan bangunan dan monumen yang terdapat di bandar dapat menarik dan meningkatkan ketibaan pengunjung ke bandar. Kegiatan pelancongan (terutamanya yang melibatkan pelancong asing), keaslian dan ketepatan warisan sejarah itu adalah penting untuk menarik minat mereka berkunjung. Pelancong yang berminat dengan sejarah adalah mereka yang berminat untuk mencari pengalaman yang asli (MacCannel, 1976).

Selain itu, dua aspek lain yang turut perlu diberikan perhatian untuk menonjolkan potensi bandar Taiping sebagai destinasi pelancongan warisan negara ialah (i) keselamatan kawasan destinasi pelancongan warisan berkenaan – 89.0% dan (ii) kebersihan dan keceriaan persekitaran – 86.6% orang responden. Berdasarkan temu bual tidak langsung dengan salah satu responden, aspek keselamatan kawasan pelancongan warisan perlu diutamakan bagi mengelakkan perkara yang tidak ingini yang akhirnya boleh menjejaskan reputasi tempat berkenaan. Namun begitu, terdapat dua aspek yang dilihat mencatatkan nilai peratusan yang rendah secara relatif untuk ‘penting’ dan ‘sangat penting’ bagi kesemua pernyataan yang disenaraikan, iaitu (i) kemudahan pengangkutan untuk pengunjung – 83.3% dan (ii) peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di sekitarnya – 79.0%. Kemudahan pengangkutan untuk pengunjung dan peluang pekerjaan ini secara tidak langsung mempengaruhi jumlah pelancong yang hadir ke sesuatu kawasan pelancongan. Oleh hal yang demikian, Taiping haruslah melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa tanpa perlu bimbang tentang jumlah kehadiran pelancong yang berkunjung. Hal ini kerana kemudahan yang mencukupi secara tidak langsung akan mendorong pelancong untuk datang ke sini. Bukan itu sahaja, World Travel and Tourism Council (2017) menjangkakan pada tahun 2027, pengembaraan dan pelancongan bakal menyediakan 138,086,000 peluang pekerjaan baharu, iaitu peningkatan 2.2% setahun dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Jadual 3: Aspek yang Perlu diberi Perhatian untuk Menjadikan Bandar Taiping sebagai Tarikan Pelancongan Warisan

Bil	Perkara yang perlu diberi perhatian	Skala									
		1		2		3		4		5	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1.	Kemudahan asas yang disediakan kepada pelancong	0	-	0	-	4	6.7	26	43.3	30	50
2.	Pengekalan dan pemuliharaan struktur binaan tapak warisan berkenaan	0	-	0	-	6	10	22	36.7	32	53.3
3.	Keselamatan kawasan destinasi pelancongan warisan berkenaan	0	-	0	-	0	-	20	33.3	40	56.7
4.	Kebersihan dan keceriaan persekitaran	0	-	0	-	8	13.3	14	23.3	38	63.3

5.	Kemudahan pengangkutan untuk pengunjung	0	-	0	-	10	16.7	24	40	26	43.3
6.	Promosi tentang destinasi pelancongan warisan berkenaan	0	-	0	-	6	10	22	36.7	32	53.3
7.	Peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di sekitarnya	0	-	0	-	12	20	38	64	10	16

Nota: 1- Tidak penting; 2- Kurang penting; 3- Sederhana; 4- Penting; 5- Sangat penting

Secara ringkasnya, peningkatan dan penurunan ketibaan pelancong ke sesebuah destinasi pelancongan khususnya pelancongan warisan bergantung kepada peranan dan tindakan pihak pemegang taruh seperti pihak berkuasa tempatan. Menurut Binns dan Etienne (2002: 235), perkembangan sesuatu kegiatan pelancongan bergantung kepada bilangan pelancong yang datang ke sesuatu destinasi. Kunjungan tersebut adalah disebabkan oleh tarikan destinasi pelancongan berkenaan seperti kawasan riadah dan rekreasi termasuklah di kawasan pantai, tanah tinggi atau hutan, kawasan bersejarah dan tempat untuk membeli-belah. Oleh itu, pihak pemegang taruh perlu menitikberatkan kepuasan pengunjung ke sesebuah destinasi berkenaan. Menurut Muhammad Afiqsyah et al. (2016), terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kepuasan pelancong. Sekiranya pelancong berpuas hati dengan lawatannya akan mendorong mereka mengadakan lawatan ulangan selain menyampaikan informasi mengenai destinasi pelancongan yang pernah dilawati kepada rakan serta ahli keluarga secara tidak formal iaitu *word of mouth* (WOM). Ini membuktikan bahawa kepuasan pelancong merupakan petunjuk penting yang harus diambil perhatian oleh pihak pemegang taruh yang terlibat agar sektor ini terus berkembang dengan pesat. Menurut Norlida Hanim et al. (2018), pelancongan berasaskan warisan budaya merupakan antara tarikan yang membawa kepada kedatangan pelancong ke negara sedang membangun.

Cadangan Langkah dan Strategi Memelihara dan Memulihara Warisan Bangunan dan Monumen di Bandar Taiping

Strategi dan langkah bagi memelihara dan memulihara warisan di Bandar Taiping adalah perlu khususnya bagi monumen dan bangunan lama. Kebanyakan responden menjelaskan pihak berkuasa tempatan perlu melakukan promosi termasuk pameran berkenaan dengan warisan yang terdapat di bandar Taiping. Ini bertujuan untuk memperkenalkan warisan yang terdapat di bandar ini kepada pelancong yang datang dari dalam dan luar negara. Antara inisiatif yang dicadangkan ialah melaksanakan kempen 'Marilah Bersama-sama Menjaga Warisan di Bandar Taiping' yang melibatkan pelancong domestik dan luar negara. Seterusnya, pihak berkuasa perlu menyediakan kemudahan infrastruktur yang baik dan selesa kepada pengunjung dan bersama-sama mengekal dan memulihara struktur bangunan lama serta menjaga kebersihannya. Bagi membangun dan memperkasa industri pelancongan, kerajaan Malaysia memperuntukkan sebanyak dua bilion di bawah bajet 2018 bagi membantu pengusaha pelancongan dan pembangunan infrastruktur. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM500 juta disalurkan bagi penambahbaikan prasarana di lokasi pelancongan seperti ekopelancongan dan homestay (Velan, 2019).

Di samping itu, responden mencadangkan agar diadakan acara sambutan tahunan seperti karnival dan pesta yang dapat menonjolkan keunikan dan kepelbagaian warisan bangunan dan monumen lama di bandar Taiping. Pelbagai program termasuk kempen kesedaran terhadap penduduk dan pelancong serta pelajar institusi pendidikan tinggi dan sekolah perlu dilaksanakan agar wujud kesedaran dalam memelihara dan memulihara bangunan dan monumen bersejarah di bandar tersebut. Ini merupakan salah satu pendekatan yang boleh diambil dalam sektor pelancongan sebagai satu tarikan untuk pelancong datang berkunjung. Menurut Refita (2018), sambutan Thaipusam di Batu Caves diadakan dengan pelbagai kegiatan sampingan untuk pengunjung. Antaranya seperti pementasan drama, tarian, serta nyanyian agama hindu setiap malam. Pelbagai gerai dibuka dan kemudahan kanak-kanak disediakan menyebabkan perayaan Thaipusam bertukar wajah daripada perayaan agama kepada perayaan bersifat sosial.

Sehubungan dengan itu, pihak berkuasa tempatan berperanan dalam mengurus tadbir dan menaik taraf bangunan dengan mengekalkan seni bina warisan lama, memelihara keunikan seni binanya serta menceriakan semula bangunan lama dengan mengecat semula bangunan tersebut. Kualiti perkhidmatan kaunter pertanyaan pelancong perlu dipertingkatkan di samping menyediakan pelbagai bahan promosi dan informasi untuk kemudahan pelancong dan pengunjung. Seterusnya, langkah untuk menyediakan sistem kawalan keselamatan elektronik di beberapa bangunan dan monumen lama adalah perlu dilakukan. Berdasarkan temu bual dengan pegawai di Unit Warisan, Majlis Perbandaran Taiping, beberapa program sedang dan telah dilaksanakan, contohnya program Jejak Warisan, mengadakan promosi dalam dan luar negara serta menyediakan Rancangan Kawasan Khas Warisan Bandar Taiping yang diwartakan pada tahun 2010. Namun begitu, menurut beliau lagi, kesedaran masyarakat mengenai warisan tempatan adalah langkah yang terbaik untuk memelihara dan memulihara warisan di bandar Taiping. Menurut Liza et al. (2019), sudah menjadi tanggungjawab semua lapisan masyarakat tidak mengira kelas untuk menjaga anugerah berharga negara ini. Kerjasama yang baik daripada semua pihak dapat meringankan tanggungjawab yang digalas oleh pihak berkuasa tempatan. Bukan itu sahaja, secara tidak langsung dapat memastikan warisan negara yang sangat berharga ini terus dijaga dan dipulihara agar kekal lestari untuk tatapan generasi akan datang.

Kesimpulan

Kepelbagaian tarikan pelancongan warisan di bandar Taiping seperti bangunan, monumen dan tapak bersejarah perlu diintegrasikan dalam konteks program untuk komuniti dan pelancong, usaha pemeliharaan dan pemuliharaan serta program promosi, pelbagai aktiviti yang dianjurkan dan pakej percutian melalui satu *platform* yang bersesuaian. Kecanggihan teknologi multimedia masa ini perlu dimanfaatkan, antaranya penggunaan media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram. *Platform* ini adalah efektif serta mudah diakses oleh setiap orang melalui penggunaan telefon pintar mereka. Paparan visual sesebuah bangunan, monumen dan tapak bersejarah yang pelbagai, unik dan menarik dapat menyerlahkan kelainan dan kelebihan khazanah warisan di sesebuah bandar terutamanya Taiping sekali gus menjadikannya antara ikon pelancongan warisan yang tersohor di Malaysia khususnya dan dunia amnya.

Rujukan

- Ahmad Tharmizzie Mat Jusoh. (2010). *Usaha Meningkatkan Imej Gunung Jerai Sebagai Suatu Destinasi Ekopelancongan Negara*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Binns, T. & Etienne, N. (2002). Tourism as a local development strategy in South Africa. *The Geographical Journal*, 168(3), 235-247.
- Hasanah, I., Susanti, H., Riyanto & Setyowardhani, H. (2020). Heritage tourism development: Concept of community-based tourism in megalithic site of Gunung Padang. In *Proceedings of the 1st UNIMED International Conference on Economics Education and Social Science* (UNICEES 2018), 460-465.
- Liza Marziana Mohammad Noh, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Wan Nur Ayuni Wan Mohd Zain, Sharifah Shaari & Nurkhalilah Idris. (2019). *Inspirasi Seni Intelektual*. UITM Cawangan Melaka: Fakulti Seni Lukis & Seni Reka.
- MacCanell, D. (1976). *The Tourist. A New Theory of the Leisure Class*. New York: Schocken Books.
- Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Muhammad Afiqsyah Mohd Ramli, Muhammad Arif Nasir, Dina Syamilah Zaid & Hartini Adenan. (2016). Kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan homestay Melaka: Kajian kes di Homestay Seri Tanjung. *Jurnal Hospitaliti dan Jaringan*, 1, 81-90.
- Naoko Sugiura & Mohd Samsudin. (2019). Perbandingan dasar warisan Malaysia dan Jepun dalam usaha memulihara khazanah negara: Kajian kes di Warisan Dunia Melaka dan Lombong Perak Iwami Ginzan. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(1), 1-14.
- Neumayer, E. (2004). The Impact of political violence on tourism: Dynamic cross-national estimation. *The Journal of Conflict Resolution*, 48(2), 259-281.
- Norlida Hanim Mohd Salleh & Suhaya Samad. (2018). Impak pembangunan homestay dalam kalangan komuniti Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(2), 199-208.
- Refita Clara Belliana. (2018). *Festival Thaipusam Daya Tarikan Wisata Budaya di Batu Caves Malaysia*. Indonesia: Sekolah Tinggi Pariwisata Ambarruko Yogyakarta.
- Richards, G. (2020) Heritage and tourism: A shared concern for locals and visitors? In Luger, K. & Ripp, M. (eds). *World Heritage Management, Urban Planning and Sustainable Tourism*. Vienna: Studienverlag.
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Unit Warisan, Majlis Perbandaran Taiping (2019).
- Velan Kunjuran. (2019). *Kajian terhadap Syarat dan Fenomena Semasa dalam Pembangunan Program Homestay di Malaysia*. Universiti Malaysia Kelantan: Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan.
- World Travel & Tourism Council. (2017). *Economic Impact 2017 World*. <https://www.wttc.org>.